



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 24 Februari 2026



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Pengeluaran padi, ternakan di Sarawak perlu diperkukuh: Nanta

KUALA LUMPUR: Pengeluaran padi, pembangunan industri ternakan lembu dan ayam serta pemerkasaan sektor perikanan termasuk rantai bekalan yang berkaitan di Sarawak perlu diperkukuh bagi membolehkan negeri itu lebih berdaya tahan dan kurang bergantung kepada faktor luar.

Menteri Kerja Raya Dato Sri Alexander Nanta Linggi yang mempengerusikan Mesyuarat Kumpulan Kerja

Teknikal Penstabilan Harga di Sarawak berkata melalui peningkatan pengeluaran, hasil yang disasarkan akan lebih konsisten, kurang pembaziran dan peningkatan kapasiti bekalan domestik.

Beliau berkata bekalan makanan terutama seperti beras, daging, ayam, telur dan ikan akan lebih terjamin dan stabil untuk jangka masa panjang.

“Usaha ini mampu memberikan impak yang jelas

iaitu peningkatan pendapatan petani, penternak dan nelayan, industri pemprosesan tempatan berkembang, ekonomi luar bandar akan lebih rancak, dan pengguna akan menikmati bekalan yang lebih berkualiti dengan harga yang lebih terkawal.

“Pada masa sama, pemantauan harga dari peringkat ladang hingga ke runcit dapat diperkukuh supaya pasaran lebih telus dan adil,” katanya menerusi hantaran di Face-

book semalam.

Nanta berkata kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan terus tegas dalam memastikan harga kekal berpatutan dan tidak membebankan rakyat.

“Isu kos sara hidup akan terus ditangani secara konsisten, berfokus dan bertanggungjawab selaras dengan semangat Malaysia MADANI,” katanya. — Bernama

Nanta: Sarawak needs to boost rice, livestock production

KUALA LUMPUR: The Technical Working Group on Price Stabilisation in Sarawak has called for the strengthening of the state's rice production, cattle and poultry farming, and fisheries sector, including its supply chains, to make it more resilient and less dependent on external factors.

Works Minister Dato Sri Alexander Nanta Linggi, who chaired the meeting yesterday, said higher production would ensure consistent output, reduce waste, and boost domestic

supply.

He said supplies of key foods such as rice, meat, chicken, eggs, and fish would be more secure and stable in the long term.


"This initiative could have clear benefits: higher incomes for farmers, livestock breeders, and fishermen; growth in local processing industries; a stronger rural economy; and better-quality, more affordable food for consumers.

"At the same time, price monitoring from farm to retail

can be strengthened to make the market more transparent and fairer," he said in a Facebook post.

Nanta said the government, via the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN), will ensure prices remain fair and affordable for the public.

"The government will continue to tackle the cost of living in a consistent, focused, and responsible manner, in line with the Malaysia Madani spirit," he said. — Bernama



PATUT DITEGAPKA: Nanta lebu ti nyadi chairman Aum Raban Pengawa Teknikal Penstabilan Harga di Sarawak. — Gambar Facebook Alexander Nanta Linggi

Pemansut padi, produk betupi patut ditegapka agi, ku Nanta

Ngambika ulih besemekih, kurang bepanggai ngagai faktor luar

KUALA LUMPUR: Pengawa ngemansutka padi, pemansang industri betupi chapi enggau manuk sereta ngenegapka sektor berikan nyengkaum rentayan bekal ti bekaul di Sarawak patut ditegapka dalam nentuka negeri tu ulih besemekih sereta kurang bepanggai ngagai faktor luar.

Menteri Kereja Raya Datuk Seri Alexander Nanta Linggi ti nyadi chairman Aum Raban Kereja Teknikal Penstabilan Harga di Sarawak madahka nengah pengawa ngangkatka pemansut, asil ke ditagit deka konsisten agi, kurang ngerua sereta nambahka kaapsiti bekal domestik.

Iya madah bekal pemakai kelebih agi bala berau, dagin,

“Pengawa tu deka meri empas ti nyata iya nya ngangkatka penatai pemisi raban pekebun, sida ti nupi enggau orang berikan, industri nyaga proses menua tu ngerembai, ekonomi menua pesisir deka chakah agi, lalu pengguna deka ngasaika belal ti bisi kualiti enggau rega ti tejava agi.”

Datuk Seri Alexander Nanta Linggi
Menteri Kereja Raya

manuk, telu enggau ikan deka dijamin enggaunah ungkup timpuh panjai.

“Pengawa tu deka meri empas ti nyata iya nya ngangkatka penatai pemisi raban

pekebun, sida ti nupi enggau orang berikan, industri nyaga proses menua tu ngerembai, ekonomi menua pesisir deka chakah agi, lalu pengguna deka ngasaika belal ti bisi kualiti

enggau rega ti tejava agi.

“Pia mega, pengawa matau rega ari renggat ladang nyentukka renchit ulih dotegapka ngambika dagang lurus agi enggau enda bechiping,” ku iya nengah penerang di-anjung di Facebook kemari (online-seharitu).

Ku Nanta madah, perintah nengah Opis Menteri Dagang Dalam Menua enggau Ungkus Pengidup (KPDN) deka terusterit dalam nentuka rega meruan engkeman lalu enda meri tating belanja ngagai rayat.

“Isu ungkus pengidup deka terus diputarka enggau konsisten, bisi pekaradikemekuhka sereta tanggungpen-gawa setipak enggau pengeransing Malaysia MADANI,” ku iya. — Bernama

Ada bazar jual murah

- Harga kekal elak pelanggan lari
- Makanan Perlis murah, saiz besar

Oleh AMIR HAIKAL KAMARUDIN,
AIMUNI TUAN LAH dan SYED
AZLAN SAYID HIZAR

KUALA LUMPUR – Di sebalik polemik harga naik dan makanan tidak sedap, terdapat juga peniaga bazar Ramadan yang masih mengekalkan harga jualan dan kualiti makanan demi mencari keberkatan dan mengelakkan lokasi perniagaan diboikot.

Rata-rata pembeli yang ditemui juga berpuas hati dengan kualiti dan pengekal harga seperti tahun sebelumnya.

Peniaga nasi kukus ayam dara bazar Ramadan Kampung Baru di sini, Nur Syafa Mohamad Razali, 24, berkata, dia mengekalkan harga RM10 kerana bahan mentah tidak meningkat secara mendadak.

Katanya, dia akan menurunkan harga jika menerima saiz ayam kecil.

"Pelanggan bijak membuat pi-

Naik harga hingga RM2



lihan dan peniaga perlu memastikan harga tidak membebankan mereka, mengekalkan rasa dan kualiti makanan," katanya.

Pengunjung, Norsyazirina, 34, berkata, harga di bazar itu masih berpatutan dan mesra pelanggan selain tidak merasa terbeban untuk membeli beberapa juadah terbuka untuk keluarganya.

"Harga roti john, martabak dan popia basah masih sama seperti tahun lepas iaitu sekitar RM5 hingga RM7. Nasi ayam pula RM8, tepung pelita dan roti jala antara RM3 hingga RM5," katanya.

Di **Gua Musang**, peniaga di Kompleks Perdana Majlis Daerah tidak berani menaikkan harga kerana mahu menjaga hati penduduk kampung dan situasi ekonomi semasa.

Rata-rata kuih tradisional dan air balang dijual pada harga antara RM2 hingga RM5 sebekas dan sebungkus selain harga lauk-pauk tidak banyak beza berbanding tahun lalu.

Peniaga bihun dan kuetiau goreng, Muhamad Saiful Salleh, 35, berkata, harga dikekalkan untuk menjaga pelanggan tetap.

"Jika harga naik, mungkin orang kampung dan penduduk setempat tak datang ke bazar. Selagi mampu saya kekalkan harga kerana cari keberkatan," katanya.

Mayaning Usuh, 39, berkata, dia menjual pelbagai jenis kerabu antara RM7 hingga RM13 sebekas.

"Saya menggunakan bahan segar dibeli di Narathiwat, Thailand. Selagi mampu saya serap kos bahan mentah.

"Sudah pasti peniaga jujur akan disokong oleh pembeli," katanya.

Di **Kangar**, pengunjung bazar di Kompleks Sukan Tuanku Syed Putra berpuas hati dengan harga jualan juadah di situ.

Nor Saadiah Rahim, 27, berkata, air balang RM5 berpatutan kerana ramai boleh minum.

"Paha ayam bakar RM7 sekali dengan sos juga berpatutan dan saya puas hati. Kebanyakan makanan di Perlis masih murah jika dibandingkan dengan saiz atau kuantiti juadah yang dijual," katanya.



RAMAI peniaga masih mengekalkan saiz dan harga martabak bagi mengelakkan pelanggan 'lari' selain mencari keberkatan di bazar Ramadan Kompleks Perdana Majlis Daerah Gua Musang semalam.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 24 FEBRUARI 2026

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
24-Feb	Johor Domestic Trade and Cost of Living Ministry probes RM15 Roti John, price display complaints	https://www.nst.com.my/news/nation/2026/02/1383385/johor-domestic-trade-and-cost-living-ministry-probes-rm15-roti-john	NST
24-Feb	RM6 for two skewers at Terengganu bazaar raises eyebrows	http://malaysians-mustknowthetruth.blogspot.com/2026/02/rm6-for-two-skewers-at-terengganu.html	MALAYSIA MUST KNOW
24-Feb	#NSTviral: RM6 for two skewers at Terengganu bazaar raises eyebrows	https://www.nst.com.my/news/nst-viral/2026/02/1383272/nstviral-rm6-two-skewers-terengganu-bazaar-raises-eyebrows	NST
24-Feb	Akok sebiji RM1.20 seiring kenaikan harga telur, kayu arang	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2026/02/1325529/akok-sebiji-rm120-seiring-kenaikan-harga-telur-kayu-arang	HARIAN METRO
24-Feb	Gara gara simpan 180 liter minyak diesel tanpa permit, pemilik tapak binaan di kompaun	https://www.borneodailybulletin.com/gara-gara-simpan-180-liter-minyak-diesel-tanpa-permit-pemilik-tapak-binaan-di-kompaun/	BORNEO DAILY
24-Feb	Over 2,400 officers deployed for Ops Pantau	https://www.thestar.com.my/news/nation/2026/02/23/over-2400-officers-deployed-for-ops-pantau	THE STAR
24-Feb	KPDN Terengganu serbu stor haram LPG di Bukit Tunggal	https://berita.rtm.gov.my/kes/senarai-berita-kes/senarai-artikel/kpdn-terengganu-serbu-stor-haram-lpg-di-bukit-tunggal/	RTM
24-Feb	KPDN tahan warga emas simpan tong gas LPG tanpa permit	https://www.kosmo.com.my/2026/02/23/kpdn-tahan-warga-emas-simpan-tong-gas-lpg-tanpa-permit/	KOSMO

24-Feb	KPDN Terengganu tumpaskan aktiviti penyimpanan haram LPG	https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-terengganu-tumpaskan-aktiviti-penyimpanan-haram-lpg/	TV3
24-Feb	Ops Pantau: Pahang Catat Lebih 12,000 Pemeriksaan Sepanjang 2023-2025	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2526810	BERNAMA
24-Feb	Ops Pantau: Over 12,000 Premises Inspected In Pahang From 2023-2025	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2526809	BERNAMA